



Strategi RPH

BAB

1

Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan

»» Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan	1.1.1	Menerangkan tujuan perniagaan	Soalan 1	TP1	3 – 5, 8
	1.1.2	Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan	Soalan 3		
			Soalan 4		
			Soalan 5		
			Soalan 6		
			Soalan 10		
			Soalan 11		
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, kertas sebak, pen <i>marker</i>		Peta i-THINK	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Keusahawanan		Peta pokok	Berdikari, bekerjasama		

»» Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan konsep tujuan perniagaan dan bentuk pemilikan perniagaan.
2. Murid menjawab Soalan 1, Soalan 3 hingga Soalan 6, Soalan 10 hingga Soalan 11 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 3 – 5, dan 8.
3. Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Setiap kumpulan perlu menggunakan peta minda iaitu peta pokok untuk menjelaskan tujuan perniagaan dan bentuk pemilikan perniagaan dengan melakarkan di atas kertas sebak.
5. Guru menilai dan membuat kesimpulan.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- menerangkan tujuan perniagaan
- menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan

»» Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan	1.1.3	Mengklasifikasikan perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana dan besar. Buku Teks m.s 38 – 48	Soalan 13	TP2	10 – 11
			Soalan 14		
			Soalan 15		
			Soalan 16		
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, pen <i>marker</i> , kertas A4		<i>Simultaneous Round Table</i>	Mengaplikasi		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Nilai murni		–	Bekerjasama, toleransi		

»» Cadangan PdPc

1. Guru membahagikan kelas kepada 4 atau 5 orang satu kumpulan. Setiap kumpulan diberikan satu soalan mirip dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 10 – 11.
2. Dalam kumpulan, murid perlu menulis respons iaitu jawapan kepada masalah atau soalan dalam kertas masing-masing.
3. Kemudian, mereka mendedarkan catatan mereka mengikut pusingan jam supaya setiap ahli dapat menambah atau membetulkan apa yang ditulis. Guru akan memantau dan membantu murid yang memerlukan bimbingan.
4. Setelah siap, guru meminta wakil murid setiap kumpulan bangun untuk berkongsi jawapan yang telah dibincangkan.
5. Guru membuka ruang kepada kumpulan lain yang ingin membuat penambahan dan guru turut memberi pujian serta komen dan penambahan kepada jawapan setiap kumpulan.
6. Akhir sekali, murid perlu menjawab Soalan 13 hingga Soalan 16 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 10 – 11 secara individu.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mengklasifikasikan perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana, dan besar

»» Panduan RPH

»» Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan		1.1.2 Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan. Buku Teks m.s 17 – 37		Soalan 7	TP3	6 – 9
				Soalan 8		
				Soalan 9		
				Soalan 12		
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, pen <i>marker</i> , kertas A4, fail		Travelling File		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
–		–		Bekerjasama, toleransi		

»» Cadangan PdPc

- Guru menerangkan bentuk milikan perniagaan secara ringkas dan kata kunci perbezaan serta perbandingan setiap bentuk milikan perniagaan.
- Murid menjalankan aktiviti kumpulan. Setiap kumpulan dibekalkan satu fail yang di dalamnya terdapat soalan bentuk perbandingan bentuk milikan perniagaan yang perlu dijawab dan dibincangkan.
- Setiap kumpulan yang mendapat fail baharu daripada kumpulan lain dikehendaki membaca soalan dan jawapan yang terdapat dalam fail berkenaan sebelum dibincangkan, ditambah, dihurai atau disunting jawapannya.
- Kemudian, setiap kumpulan perlu memberikan respons kepada dua atau tiga *Travelling File*. Soalan dan jawapan tersebut dibincangkan di dalam kelas secara keseluruhan.
- Murid menjawab Soalan 7 hingga Soalan 9, Soalan 12 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 6 – 9.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mengklasifikasikan perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana, dan besar
- membanding dan mengaplikasikan pengetahuan tentang pelbagai bentuk pemilikan perniagaan

»» Panduan RPH

Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan	1.1.3 Mengklasifikasikan perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana dan besar. Buku Teks m.s 12 – 51	Soalan 17	TP4	11 – 12
BBM	PAK-21	KBAT		
Buku teks, gambar, pen <i>marker</i> , kertas A4	<i>Café</i> (Kafe/Kedai Kopi)	Menganalisis, mengaplikasi		
EMK	i-THINK	Nilai Murni		
Kehidupan harian	Peta alir	Bekerjasama, menghormati pandangan		

»» Cadangan PdPc

- Kelas dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat orang.
- Guru menyediakan dan meletakkan 4 atau 5 set gambar perniagaan milikan tunggal yang berbeza di setiap meja kumpulan. Setiap kumpulan akan mendapat satu kertas A4 yang mengandungi satu gambar dan soalan. Gambar setiap kumpulan adalah berbeza tetapi soalan yang sama.
- Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja. Murid perlu berbincang dan menjawab soalan berdasarkan gambar perniagaan milikan tunggal, contohnya, Kedai Makan Abu, Klinik Dr. Ho, Kedai Dobi Lynn, Trak Makanan Uncle Lim. Jawapan perlu dipersembahkan dalam bentuk peta alir mengikut urutan soalan. Soalan tersebut diletakkan di atas alas meja (*table cloth*).
- Wakil setiap kumpulan diminta bangun dan berkongsi hasil perbincangan masing-masing.
- Kemudian, murid diminta menjawab Soalan 17 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 11 – 12.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mengklasifikasikan perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana, dan besar
- menjelaskan dengan contoh sesuatu perniagaan mengikut penawaran barang dan perkhidmatannya, pemilikan, saiz, skala, dan klasifikasinya

»» Panduan RPH					
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
1.1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan	1.1.5 Menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala, serta klasifikasi perniagaan. Buku Teks m.s 52 – 53	Soalan 19	TP5	13	
		Soalan 20			
BBM		PAK-21		KBAT	
Buku teks, pen <i>marker</i> , kertas A4, kertas sebak		Gallery Tour		Menganalisis	
EMK		i-THINK		Nilai Murni	
–		Peta dakap		Bekerjasama, menghormati pandangan	

»» Cadangan PdPc

- Kelas dibahagikan kepada empat kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang.
- Setiap kumpulan akan menjelaskan satu perkaitan perniagaan Pau Zamri seperti Soalan 20. Sebagai contoh, kumpulan satu akan mengaitkan dari aspek penawaran barang dan perkhidmatan, kumpulan dua akan mengaitkan dengan aspek bentuk pemilikan, kumpulan tiga akan mengaitkan dengan aspek skala dan kumpulan empat akan mengaitkan dengan aspek klasifikasi.
- Ahli kumpulan dikehendaki berbincang dan mempersembahkan hasil tugas dalam bentuk peta dakap di atas kertas sebak yang disediakan. Kemudian ahli kumpulan akan bergerak secara kumpulan.
- Hasil kumpulan lain ditampal di atas meja atau dinding untuk kumpulan lain melihat atau membacanya. Kumpulan asal hendaklah meletakkan pensel dan kertas di atas meja agar kumpulan lain yang datang melawat dapat memberikan komen berkaitan hasil kerja mereka.
- Setiap kumpulan perlu bergerak untuk melihat hasil kerja kumpulan lain.
- Setelah kembali semula ke kumpulan asal, ahli kumpulan perlu menceritakan atau melaporkan pembelajaran dan pengalaman yang diperolehi.
- Murid perlu menjawab Soalan 19 dan Soalan 20 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 13 secara individu.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala, serta klasifikasi perniagaan
- menjelas dan merumuskan perkaitan bentuk pemilikan perniagaan dengan saiz, skala, dan klasifikasinya

»» Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)						
1.1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan		1.1.5 Menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala, serta klasifikasi perniagaan. Buku Teks m.s 52 – 53		Soalan 21	TP6	14
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, slaid Powerpoint, LCD, pen <i>marker</i> , kertas A4		TV Chat Show (Bual TV)		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Teknologi maklumat dan komunikasi		Peta buih berganda		Yakin diri		

»» Cadangan PdPc

- Guru sebagai pengacara televisyen menunjukkan slaid Powerpoint di paparan LCD. Slaid Powerpoint adalah soalan mirip seperti Soalan 21, tetapi menggunakan elemen pernyataan atau situasi bagi perkembangan perniagaan kedai dobi pada tahun 2020 dan 2023.
- Murid terdiri daripada pelbagai karektor berbincang tentang soalan yang dipaparkan dan mempersembahkan jawapan dalam bentuk peta buih berganda pada kertas A4 berwarna yang diberikan. Murid lain boleh mengemukakan soalan jika terdapat sebarang permasalahan. Sesi soal jawab tentang setiap aspek diberi kepada setiap kumpulan setelah perbincangan.
- Guru menunjukkan hasil jawapan yang telah disiapkan oleh setiap kumpulan di paparan LCD dan memberi markah semasa paparan ditunjukkan.
- Kemudian, murid perlu menjawab Soalan 21 dalam buku PBD Plus Perniagaan halaman 14 secara individu.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala, serta klasifikasi perniagaan
- menilai perkembangan sesebuah perniagaan setempat berdasarkan aktiviti, bentuk pemilikan, saiz, skala dan klasifikasinya